

Digi, Trienekens kerjasama sedia sambungan telekomunikasi ke Kampung Sungai Tapang

KUCHING: Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) bekerjasama dengan Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd (Trienekens) menyediakan penyambungan telekomunikasi ke Kampung Sungai Tapang dekat sini.

Inisiatif itu merupakan maklum balas kepada seruan Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) untuk membangun dan memajukan komuniti dalam ekonomi digital.

Menurut satu kenyataan akhbar, penduduk Kampung Sungai Tapang berdepan masalah liputan telekomunikasi yang lemah disebabkan kedudukannya dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK).

Kebanyakan mereka menghabiskan masa di jalan raya di keliling lapangan terbang setiap hari selepas jam 6 petang kerana ia satu-satunya kawasan dengan liputan telekomunikasi yang baik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Trienekens

Stephen Chin, syarikat itu sentiasa mencari jalan untuk menyumbang kepada komuniti Sungai Tapang tempat terletaknya ibu pejabat dan depot Trienekens.

“Sebelum ini, kami berusaha meningkatkan kemudahan asas dan meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar di sekolah.

“Rundingan kami baru-baru ini dengan penduduk kampung mendedahkan mereka menghadapi masalah liputan telekomunikasi yang sangat teruk.

“Digi memberi maklum balassegera kepada permintaan kami untuk menyediakan liputan telekomunikasi dan meningkatkan kualiti hidup serta keselamatan mereka,” ujarnya.

Di bawah kolaboratif itu, usaha dan komitmen Digi ialah menyediakan liputan telekomunikasi kepada lebih ramai rakyat Malaysia di seluruh negara menerusi rangkaian 4G Plus.

Sehingga Oktober 2018, 76 peratus liputan populasi Sarawak mendapat akses kepada teknologi LTE Digi, manakala 41 peratus mendapat akses kepada teknologi LTE-A.

Ketua Wilayah Sarawak Digi Casper Goh, berkata: “Kami amat gembira kerana mendapat peluang menubuhkan stesen asas bagi menyediakan liputan (telekomunikasi) kepada penduduk kampung.

“Digi secara berterusan mencari jalan untuk ‘memperkayakan’ kehidupan pelanggan kami kerana kami mahu merapatkan jurang digital di kawasan tersebut.”

Bagi memulakan kolaboratif itu, Digi dan Trienekens menganjurkan bersama beberapa aktiviti menyeronokkan melibatkan penduduk kampung pada hujung minggu.

Penduduk juga menikmati subsidi istimewa bagi setiap telefon dijual dan pendaftaran talian Digi, sumbangan Trienekens.